

40 Tahun Penyelidikan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia

40 Years of Research in the Faculty of Islamic Studies Universiti Kebangsaan Malaysia

AHMAD SUNAWARI LONG* & ZAIZUL AB. RAHMAN¹

ABSTRACT

Since its establishment on May 18, 1970, various researches on Islam and Muslim communities were conducted by researchers of Faculty of Islamic Studies. Various grants are channelled to the researchers, including IRPA grant, (The Intensification of Research in Priority Areas), FRGS Grant (Fundamental Research Grant Scheme), Grant from government agencies such as the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and the Ministry of Education, University Research Grant (GUP), Action/Strategic Research Grant, Arus Perdana Grant, Laluan Pantas Grant and Incentive Grant Funds. Since its establishment, it is estimated that RM3 million grant has been granted to the researchers. Although there are various grants and the number of extensive researches, the result of the researches have not been published in any high impact journals such as Scopus and ISI (Institute for Scientific Information). The change of qualitative research to quantitative research that emphasizes the quantitative elements and its impact to the country should be intensified in the Faculty of Islamic Studies.

Keywords: research, Faculty of Islamic Studies.

Fakulti Pengajian Islam telah ditubuhkan pada 18 Mei 1970 bermula dengan dua jabatan terawal iaitu Jabatan Syariah dan Jabatan Usuluddin dan Falsafah serta Unit Bahasa Arab. Pada tahun 1974, unit tersebut telah dinaiktaraf kepada Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam. Lima tahun kemudian, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan telah ditubuhkan sebagai pecahan Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Pada tahun 1979, daripada Jabatan Syariah tertubuh Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Pada tiga dekad terawal penubuhannya, penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam banyak tertumpu kepada isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat dengan bersumberkan geran dalaman sekitar RM1000.00.

Sejarah terawal penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam bermula dengan kajian Abdul Jalil Hasan mengenai Syeikh Muhammad Arshad bin Abdullah al-Banjari pada tahun 1971 yang diselesaikannya pada tahun 1972 (Laporan Tahunan Pertama 1970-1971: 17; 2nd Annual Report 1971-1972: 56). Dalam *Audit Akademik Fakulti Pengajian Islam* (Fakulti Pengajian Islam 1998: 74), penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam dikategorikan kepada dua bentuk iaitu kajian yang mendapat geran daripada luar (seperti Kementerian

¹**Ahmad Sunawari Long***(*corresponding author*), Ph.D., Associate Professor at Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: aslong@ukm.edu.my; **Zaizul Ab. Rahman**, Ph.D., Senior Lecturer at Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: zaizul@ukm.edu.my.

Pendidikan Malaysia, Majlis Agama Islam Terengganu, Pemegang Amanah Kolej Islam Malaya dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) dan daripada sumber kewangan Universiti (seperti geran jangka pendek dan Arus Perdana). Namun terdapat kesukaran dalam mengesani penyelidik dan geran yang telah diperolehi para penyelidik Fakulti Pengajian Islam kerana ketiadaan satu sistem *data base* mengenai penyelidikan atau sistem berpusat laporan penyelidikan. Berikut senarai beberapa penyelidikan menggunakan dana agensi luar yang dapat dikesan sepanjang tempoh 30 tahun awal penubuhannya. Jadual berikut menunjukkan 70% daripada dana diperolehi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia sepertimana Jadual 1 di bawah:

Tahun	Tajuk Penyelidikan	Agensi Penyalur Dana
1989	Penempatan dan Pembinaan Rumah Warga Kanan Tak Berwaris	Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri
1994	Keberkesanan Perlaksanaan Aliran Agama di Sekolah Menengah Biasa	Kementerian Pendidikan Malaysia
1996	Penyertaan Pelajar dan Guru dalam Kegiatan Ko Kurikulum Agama Sekolah Menengah Kebangsaan	Kementerian Pendidikan Malaysia
1996	Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan	Kementerian Pendidikan Malaysia
1996	Keberkesanan Pendidikan Islam di Sekolah Vokasional Malaysia	Kementerian Pendidikan Malaysia
1996	Penyertaan Pelajar dan Guru dalam Kegiatan Ko Kurikulum Agama Sekolah Menengah Kebangsaan	Kementerian Pendidikan Malaysia
1997	Kerohanian Tilawah al-Quran Pelajar Sekolah Rendah Malaysia Barat	Kementerian Pendidikan Malaysia
1997	Pengetahuan Sikap dan Penerimaan Masyarakat terhadap Aktiviti Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan Yayasan Islam Terengganu	Majlis Agama Islam Terengganu
1998	Sejarah Pendidikan Tinggi Islam Malaysia	Pemegang Amanah Kolej Islam Malaya
1998	Perkembangan Dakwah Keluar di Malaysia	Pemegang Amanah Kolej Islam Malaya

Jadual 1: Penyelidikan Fakulti Pengajian Islam Bersumber Dana Luar UKM dalam Tempoh 30 Tahun Penubuhannya

Kerancangan penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam dapat dilihat apabila Universiti Kebangsaan Malaysia dinobatkan sebagai Universiti Penyelidikan pada tahun 2006. Dengan pengiktirafan ini, para penyelidik Fakulti tersebut mula menunjukkan kesungguhan menjalankan penyelidikan sebagaimana ditunjukkan dengan peruntukan Geran Universiti Penyelidikan (GUP) berjumlah RM2,837,206.00 bagi membiayai 31 projek penyelidikan. Dalam tempoh empat dekad, para penyelidik Fakulti Pengajian Islam memperolehi geran penyelidikan daripada pelbagai sumber yang dikategorikan kepada *geran IRPA (The Intensification of Research in Priority Areas)*, *FRGS (Fundamental Research Grant Scheme)*, *Agensi Luar*, *Geran Universiti Penyelidikan (GUP)*, *Arus Perdana*, *Geran Penyelidikan Tindakan UKM*, *Geran Laluan Pantas* dan *Geran Dana Galakan*. *Geran Laluan Pantas* disediakan oleh pihak Fakulti pada tahun 2005 kepada penyelidik muda yang belum menceburi bidang penyelidikan atau kepada penyelidik yang baru menyiapkan pengajian peringkat doktor falsafah.

Geran IRPA

IRPA (The Intensification of Research in Priority Areas) telah diperkenalkan oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada tahun 1988. Geran IRPA dikelola oleh MASTIC (Malaysian Science and Technology Information Centre) dengan pemokusannya kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan (research and development - R&D) dalam bidang yang boleh mempertingkatkan kedudukan sosio ekonomi. Pemberian dana ini berdasarkan kepada empat prinsip yang telah digariskan oleh National Council for Scientific Research and Development (MPKSN) iaitu:

- Menyediakan dana kepada projek yang mempunyai keutamaan nasional dan mampu pasaran.
- Menyediakan dana untuk projek yang diperlukan oleh industri Malaysia.
- Menggalakkan usaha kolaborasi antara institusi-institusi penyelidikan.
- Meningkatkan hubungan R&D antara sektor kerajaan dan swasta (Ministry of Science, Technology and the Environment t.th.: 3).

Walau bagaimanapun IRPA memberi kelonggaran kepada bidang-bidang yang boleh meningkatkan ilmu pengetahuan jangka panjang rakyat demi meningkatkan kapasiti pembangunan K-ekonomi. Di Fakulti Pengajian Islam, bidang muamalat dan ekonomi Islam menjadi tujahan kepada Jabatan Syariah di Fakulti Pengajian Islam yang kelihatan lebih hampir kepada K-ekonomi tersebut, tetapi hanya satu penyelidikan yang diketuai oleh Hailani Muji Tahir yang berjaya memperolehi geran berkenaan. Tiga penyelidikan IRPA lain dibolot oleh para penyelidik di Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Keseluruhannya, dalam tempoh kewujudan geran IRPA selama 18 tahun (1988-2006) penyelidik Fakulti Pengajian Islam hanya berjaya mengumpul geran kurang daripada RM500,000.00. Projek-projek tersebut seperti pada jadual 2 berikut:

Bil.	Tajuk	Ketua Penyelidik	Tahun	RM
1.	Sumber Zakat, Agihan dan Pengaplikasiannya kepada Individu dan Syarikat	Hailani Muji Tahir	2004	186,000.00
2.	Sistem Pakar Khidmat Nasihat Kekeluargaan Islam: Pendekatan dan Implementasi	Jawiah Dakir	2004	128,000.00
3.	Agama sebagai Asas Kefahaman Toleransi: Satu Kajian di Kalangan Pelajar-Pelajar IPTA	Muda@Ismail Ab. Rahman	2005	87,500.00
4.	Kajian Keberkesanan Program Pemulihan Dadah ke Arah Penyediaan Modul Pendidikan Islam di Pusat-pusat Serenti	Zakaria Stapa	2005	86,472.00
Jumlah				487,972.00

Jadual 2: Dana IRPA yang Diperolehi oleh Penyelidik Fakulti Pengajian Islam

Geran FRGS

Penyelidikan fundamental merupakan satu penerokaan idea-idea, konsep atau teori baru yang menjadi tunjang kepada penemuan baru, perkembangan ilmu dan ciptaan yang canggih dan terkini. Sehubungan itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperuntukan sebanyak RM200 juta bagi membiayai projek-projek penyelidikan fundamental di IPTA. Pihak Kementerian telah

membuka permohonan FRGS buat pertama kalinya pada tahun 2006. Keputusan penyelidikan fundamental IPTA ini ditentukan oleh sekumpulan Jawatankuasa Penilaian FRGS yang dianggotai oleh pakar-pakar dari IPTA. Secara amnya, projek-projek penyelidikan fundamental ini telah dikelaskan kepada enam bidang iaitu Sains Tulen, Sains Gunaan, Sains Sosial dan Sastera, Sains Perubatan, Teknologi dan Kejuruteraan serta *Natural Science and National Heritage*. Bidang tujahan dan kepakaran di Fakulti Pengajian Islam diletakkan di bawah kategori Sains Sosial dan Sastera. Terdapat tiga bentuk dana penyelidikan yang diberi di bawah FRGS iaitu:

- Dana penyelidikan bagi projek-projek yang dipohon oleh penyelidik melalui pengurusan Penyelidikan di IPTA masing-masing.
- Dana penyelidikan bagi projek -projek yang dikenalpasti oleh pihak jawatankuasa Geran Penyelidikan Fundamental secara *top down*.
- Dana galakan kepada IPTA yang terpilih (<http://jpt.mohe.gov.my/menupenyelidik.php.dg>).

Proses penilaian dan perakuan bagi setiap permohonan projek penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam melalui beberapa peringkat proses saringan bermula dengan saringan pada peringkat Jawatankuasa Penyelidikan peringkat Jabatan, diikuti oleh Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti dan seterusnya pada peringkat Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP). Berikut adalah senarai penyelidikan yang berjaya memprolehi geran FRGS sehingga akhir tahun 2009 sepertimana dalam Jadual 3 di bawah:

Bil.	Tajuk	Ketua Projek	Tahun	RM
1.	Kebangkitan Semula Islam dan Impaknya Terhadap Pemikiran dan Penghayatan Islam Golongan Kelas Menengah Muslim Malaysia: Kajian Kes di Lembah Klang	Ahmad Sunawari Long	2006	60,000.00
2.	Salah Tanggapan terhadap Hadith-hadith yang Masyhur dalam Masyarakat Melayu: Kajian Sumber dan Penilaian Semula	Jawiah Dakir	2006	60,000.00
3.	Aliran Islam Liberal di Malaysia dan Indonesia	Mohd Nasir Omar	2006	65,500.00
4.	Citra Dakwah dalam Novel Melayu Pilihan: Kajian Pandangan dan Kecenderungan Pembaca Remaja	Rugayah Tibek	2006	60,000.00
5.	Kajian Penyertaan Agama, Konsep Kendiri dan Keperluan Kaunseling Warga Tua Rumah Seri Kenangan di Malaysia	Zainab Ismail	2006	60,000.00
6.	Pengurusan dan Pembangunan Hartanah Wakaf Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia	Siti Zalikhah Md Nor	2006	30,000.00
7.	Perlaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN): Kajian Pembentukan Modul Kerohanian	Fariza Md. Sham	2006	28,000.00
8.	Faktor-Faktor Kemunculan Terrorisme di Dunia Islam dan Pengaruhnya ke Atas Masyarakat Islam Malaysia	Ismail Bakar	2006	26,000.00
9.	Pembangunan Metodologi Dakwah Masyarakat Orang Asli Malaysia	Badlihisam Mohd Nasir	2006	26,000.00
10.	Komunikasi di Institusi Masjid ke Arah Menrealisasikan Islam Hadhari Malaysia	Zulkiple Abd. Ghani	2006	26,000.00
11.	Toleransi Beragama di Kalangan Pelajar-pelajar	Jaffary Awang	2006	26,000.00

Institusi Pengajian Tinggi Swasta di Malaysia				
12.	Sikap Orang Melayu terhadap Prinsip Kausaliti	Ibrahim Abu Bakar	2007	24,758.00
13.	Sejarah Ketenteraan Islam sebagai satu Disiplin Ilmu: Modul Pembelajaran bagi Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM)	Ezzad Azrai Jamsari	2007	60,000.00
14.	Paradigma Pemikiran Bukan Melayu Terhadap Kepimpinan Melayu di Malaysia	Abdull Rahman Mahmood	2009	42,400.00
15.	Reaksi Institusi Islam Terhadap Fahaman Islam Leberal di Malaysia: Kajian Terhadap Strategi dan Pendekatan	Latifah Abdul Majid	2009	40,000.00
16.	Konsep Lindung Nilai (Hedging) Islam dalam Sistem Kewangan	Mat Noor Mat Zain	2009	38,400.00
17.	Histeria: Punca dan Kaedah Menangani Menurut Perspektif Psikologi Islam	Fariza Md. Sham	2009	50,000.00
18.	Inovasi dan Latihan Pengurusan Pengajaran Bahasa Arab Berasaskan Komponen Motivasi	Kaseh Abu bakar	2009	30,000.00
19.	Pembentukan Dasar Negara Berasaskan Maqasid Syariah	Amir Husin Mohd Nor	2009	50,000.00
20.	Wasiat Sebagai Mekanisme Perancangan Harta: Kajian di Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka	Ahmad Ridzuan Awang	2009	30,000.00
21.	Penentuan Hukum Bioteknologi Pemakanan	Abdul Basir Mohamad	2009	30,000.00
Jumlah				863,258.00

Jadual 3: Dana FRGS yang Diperolehi oleh Penyelidik Fakulti Pengajian Islam

Data di atas menunjukkan pada tahun 2006, penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam telah melakukan permulaan yang baik apabila para penyelidik telah berjaya memperolehi sejumlah 11 projek yang bernilai RM467,500.00. Walau bagaimanapun, pada tahun 2007 hanya terdapat 2 projek yang diperolehi dengan nilai RM85,758.00. Malangnya pada tahun 2008 tiada satu projek FRGS yang berjaya diperolehi oleh mana-mana para penyelidik. Namun pada tahun 2009, jumlah penyelidikan FRGS kembali meningkat apabila 8 projek penyelidikan bernilai RM310,000.00 diperolehi. Pada tahun tersebut, 4 projek diketuai oleh para penyelidik Jabatan Syariah. Semenjak Pengenalan FRGS pada tahun 2006, penyelidik Jabatan Syariah memperolehi 5 projek penyelidikan berjumlah RM178 000.00, Jabatan Usuluddin dan Falsafah (6 projek = RM278,658.00), Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan (6 projek = RM250,000.00), Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (3 projek = RM116 000.00) serta Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah (1 projek = RM40,000.00). Senarai tersebut juga menunjukkan, hanya penyelidik Fariza Md. Sham pernah mengetuai 2 projek penyelidikan FRGS di Fakulti Pengajian Islam.

Dana Agensi Luar

Pelbagai agensi luar terlibat dalam penyediaan dana kepada para penyelidik Fakulti Pengajian Islam terutamanya daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran Malaysia menjadi institusi terawal yang pernah menyediakan dana kepada penyelidik Fakulti Pengajian Islam pada tahun 1989 seperti dijelaskan pada awal perbincangan. Seawal tahun 2000, dana luar adalah sangat terhad dalam pembiayaan penyelidikan di Fakulti seperti ditunjukkan dalam Jadual berikut

Sepanjang empat dekad penubuhannya, keseluruhan dana agensi luar yang diperolehi melebihi setengah juta ringgit sebagaimana dalam Jadual 4 di bawah:

Bil.	Tajuk	Ketua Penyelidik	Tahun dan Agensi	RM
1.	Radical Religious Movement in Japan	Ibrahim Abu Bakar	2000 Japan Society for Promotion of Science	20,000.00
2.	Isu-isu Akidah Umat Islam Malaysia	Mohd Yusoff Hussein	2000 Jab. Kemajuan Islam Malaysia	100,000.00
3.	Kajian Hala Tuju Pegawai-Pegawai Agama dalam Perkhidmatan Awam	Mohd Yusoff Hussein	2001 Jab. Kemajuan Islam Malaysia	80,000.00
4.	Kajian Keberkesanan Kelas Pengajian Takmir Masjid/Surau Semenanjung Malaysia	Mohd Yusoff Hussein	2002 Jab. Kemajuan Islam Malaysia	100,000.00
5.	Projek Penyelidikan dan Penulisan Perbendaharaan al-Quran	Sulaiman Ibrahim	Majlis Agama Islam Selangor-KUIS	2,000.00
6.	Kajian Pengaruh Black Metal Terhadap Remaja Islam di Seremban, Negeri Sembilan	Mohd. Nasran Mohamad	Jab. Mufti Negeri Sembilan	50,020.00
7.	Pembangunan Modul Sahsia Belia Malaysia	Jawiah Dakir	2009 Kem. Belia dan Sukan	220,000.00
8.	Keberkesanan Modul Pengajian Islam di Pusat Serenti Semenanjung Malaysia	Zakaria Stapa	2009 Agensi Anti Dadah Kebangsaan	74,500.00
9.	Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Modul Kursus Pendekatan Islam Hadhari di Kementerian dan Agensi-Agensi Kerajaan	Ahmad Sunawari Long	2010 Jab. Kemajuan Islam Malaysia	59,299.00
Jumlah				507,819.00

Jadual 4: Dana Agensi Luar yang Diperolehi oleh Penyelidik Fakulti Pengajian Islam Sejak Tahun 2000

Hampir kesemua geran penyelidikan di atas bersumberkan agensi dalam negara terutama JAKIM kecuali geran Japan Society for Promotion of Science yang diperolehi oleh Ibrahim Abu Bakar pada tahun 2000. Penyelidikan pertama di Fakulti Pengajian Islam yang memperolehi geran luar negara ini menjalankan kajian tentang *Radical Religious Movement in Japan* di bawah program Invitation Fellowship Programs for Research In Japan.

Geran GUP


Dana di bawah Geran Universiti Penyelidikan telah merancakkan penyelidikan kalangan pensyarah Fakulti Pengajian Islam terutama kalangan pensyarah muda yang masih belum bertaraf professor madya atau profesor. Pada tahun 2009, enam tujahan (*niche*) telah dibentuk di Fakulti Pengajian Islam bagi melaksanakan dana-dana GUP. Pada prinsipnya tujahan-tujahan tersebut dibina berdasarkan jabatan yang terdapat di Fakulti tetapi lebih cenderung kepada pemecahan pengkhususan jabatan dengan penumpuan kepada

perkongsian bidang yang boleh disatukan. Keenam-enam tujahan tersebut dikelompokkan di bawah Keagamaan dan Pemikiran Islam; Ilmu Wahyu dan Turath Islam; Dakwah, Kerohanian dan Pembangunan Insan; Perundangan Islam dan Muamalat; Islam dan Masyarakat Semasa, serta; Kebudayaan Arab dan Tamadun Islam. Tujahan-tujahan berkenaan berada di bawah bidang tujahan Pembangunan Insan dan Tamadun Islam di bawah *niche area* Jatidiri Kebangsaan, Negara Bangsa, Kepelbagaian Budaya dan Globalisasi. Berikut peruntukan geran berdasarkan kepada tujahan, tetapi tujahan *Islam dan Masyarakat* kemudiannya diletakkan di bawah pengurusan Institut Islam Hadhari sebagaimana dalam Jadual 5 di bawah.:

Bil.	Tujahan	Bilangan	Jumlah (RM)
1.	Keagamaan dan Pemikiran Islam	4	560,000.00
2.	Ilmu Wahyu dan Turath Islam	3	340,762.00
3.	Dakwah, Kerohanian dan Pembangunan Insan	10	611,800.00
4.	Perundangan Islam dan Muamalat	4	279,644.00
5.	Islam dan Masyarakat Semasa	3	245,000.00
6.	Kebudayaan Arab dan Tamadun Islam	7	680,000.00
Jumlah Keseluruhan			2,837,206.00

Jadual 5: Peruntukan Dana GUP kepada Bidang Tujahan

Sebanyak 31 penyelidikan telah berjaya memperolehi dana GUP tersebut. Penyelidikan *Survival Minoriti Etnik Melayu Muslim: Kajian Etnografi terhadap Amalan Keagamaan dan Akidah Islam* di bawah tujahan Keagamaan dan Pemikiran memperoleh peruntukan terbesar sebanyak RM370,000.00, manakala projek *penyelidikan Jama'iyat al-Mashari' al-Khairiyyah al-Islamiyyah: Kajian Metode Dakwah Sufi dan Hubungannya dengan Institut Dakwah Islamiah di Malaysia* mendapat dana terendah sebanyak RM21,800.00. Majoriti atau 7 penyelidik memperoleh Geran Universiti Penyelidikan sebanyak RM80,000.00. Tujahan Dakwah, Kerohanian dan Pembangunan Insan berjaya memperoleh 10 penyelidikan, manakala kumpulan tujahan Kebudayaan Arab dan Tamadun Islam mengumpul dana paling banyak terkumpul sejumlah RM680,000.00.



Geran Arus Perdana

Kali pertama geran Arus Perdana diperolehi oleh kumpulan yang diketuai oleh Zakaria Stapa melalui geran Arus Perdana siri kedua yang menjalankan penyelidikan *Nilai Keagamaan Masyarakat Melayu dalam Arus Globalisasi*. Geran tahun 2000 tersebut berjumlah RM50,000.00. Apabila diperkenalkan kembali Penyelidikan Arus Perdana siri ketiga pada tahun 2009, tujahan-tujahan yang sedia terbina dalam GUP tersebut tidak lagi menjadi keutamaan kerana objektif geran Arus Perdana siri ini lebih kepada mengglobalkan penyelidikan sedia ada ke arah satu payung penyelidikan yang memperkasakan

kepelbagaian tujuhan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Di Fakulti Pengajian Islam, penyelidikan Arus Perdana siri ketiga tersebut juga diketuai oleh Zakaria Stapa dengan judul *Ilmu Dalam Tamadun Islam: Dalam Perbentukan Jati Diri Bangsa Melayu*. Penyelidikan bernilai RM310,000.00 ini lebih bersifat tertutup dan *top down*. Hal ini telah menyebabkan tiga implikasi negatif kepada pemohon dana penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam. Pertama, ia menyebabkan para penyelidik tidak dapat bersaing secara terbuka memohon dana penyelidikan seperti amalan yang dilaksanakan dalam geran GUP. Kedua, amalan *top down* tersebut juga menyebabkan bilangan penyelidik di Fakulti Pengajian Islam menurun secara mendadak daripada 31 ketua penyelidik dalam GUP pada tahun 2008 kepada 1 ketua penyelidik dalam Penyelidikan Arus Perdana pada tahun 2010. Pemilihan ahli penyelidik pula berdasarkan kepada kecenderungan ketua penyelidik. Ketiga, penekanan kepada *cross faculty* yang diamalkan dalam Penyelidikan Arus Perdana ini telah menyempitkan ruang penyelidik Fakulti Pengajian Islam untuk menyertai penyelidikan berkenaan. Daripada 8 orang penyelidik, 3 penyelidik terdiri daripada pensyarah luar Fakulti Pengajian Islam.

Geran Penyelidikan Tindakan/Strategik 2009

Pada tahun 2009, Geran Penyelidikan Tindakan/Strategik telah diperkenalkan oleh pihak Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) yang memfokuskan kepada pembelajaran dan pengajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia. Ini telah membuka kembali ruang bagi penyelidik Fakulti yang terbatas atas polisi Arus Perdana sebelum ini. Sebanyak 12 geran penyelidikan yang setiap satunya bernilai RM12,000.00 dan berdurasi selama setahun telah diberikan kepada dua belas kumpulan penyelidik Fakulti Pengajian Islam. 4 projek penyelidikan (33.4%) tersebut diperolehi oleh para penyelidik dari Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, diikuti 3 projek oleh para penyelidik Jabatan Pengajian al-Quran dan Sunnah, masing-masing 2 projek oleh penyelidik Jabatan Syariah serta Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam. Hanya 1 geran penyelidikan diperolehi oleh penyelidik Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Jadual 6 di bawah adalah senarai Geran Penyelidikan Tindakan/Strategik 2009 di Fakulti Pengajian Islam:

Bil.	Ketua Penyelidik	Tajuk
1.	Zakaria Stapa	Aplikasi Strategi Penyelidikan dalam Menrealisasikan Keperluan Pasaran: Kajian dalam Kalangan Pelajar Pra Siswazah Fakulti Pengajian Islam
2.	Ibno Azli Ibrahim	Penstrukturan Semula Jabatan Syariah Sebagai Sebuah Fakulti: Satu Impak terhadap Ekosistem Akademik UKM dari Sudut Ilmu dan Komersial
3.	Sabri Mohamad	Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz dan Ilmu Qiraat di IPT Selangor
4.	Ismail Yusoff	Pengajaran dan Pembelajaran Tafsir di IPT Selangor
5.	Latifah Abdul Majid	Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di IPT Selangor
6.	Zaini Nasohah	Kekuatan dan Kelemahan Aspek Amali dalam Pengajaran Kursus Program Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam UKM
7.	Zamri Ariffin	Kebolehbacaan Teks Sastera Arab dalam Kalangan Pelajar Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, FPI
8.	Idris Abdullah	Al-Balaghah dan Kesannya Terhadap Perkembangan Ilmu Islam
9.	Salasiah Hanin Hamjah	Kaedah Meningkatkan Motivasi Belajar dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam
10.	Abdul Ghafar Don	Kajian Penilaian Program Khidmat Sosial sebagai Kaedah Amali Dakwah Non Muslim Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan

		UKM
11.	Ahmad Redzuwan Mohd Yunus	Ke Arah Peningkatan Mutu Kursus Pra Penempatan Latihan Amali/Industri, Fakulti Pengajian Islam di Kalangan Para Pelajar
12.	Badlihisam Mohd. Nasir	Latihan Amali Dakwah (Muslim), Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan FPI: Kajian Masalah dan Keberkesanan dan Perlaksanaannya di Felda Gugusan Tersang, Raub, Pahang

Jadual 6: Geran Penyelidikan Tindakan/Strategik 2009 Fakulti Pengajian Islam

Jika diteliti kepada aspek permasalahan kajian, didapati empat penyelidikan berkenaan tidak memfokus secara langsung kepada masalah pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Pengajian Islam khususnya dan Universiti Kebangsaan Malaysia umumnya. Permasalahan kajian lebih bersifat umum dalam bidang pengajian Islam. Keempat-empat penyelidikan tersebut ialah *Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz dan Ilmu Qiraat di IPT Selangor*, *Pengajaran dan Pembelajaran Tafsir di IPT Selangor*, *Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di IPT Selangor* serta *Al-Balaghah dan Kesannya Terhadap Perkembangan Ilmu Islam*. Dalam aspek tujuan pula, ketiga-tiga penyelidikan oleh penyelidik Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah tersebut oleh disatukan di bawah satu penyelidikan iaitu hadith, tafsir dan qiraat. Jika dilihat kepada aspek penumpuan, penyelidik Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan lebih menumpukan kepada aspek perkembangan kurikulum berasaskan aktiviti pelajar (student centric) berbanding dengan penyelidikan lain yang lebih memfokuskan kepada kurikulum (curriculum centric).

Manakala pada tahun 2010, bilangan Geran Penyelidikan Tindakan/Strategik di Fakulti Pengajian Islam telah meningkat daripada 12 buah kepada 17 buah penyelidikan. 8 buah penyelidikan setiap satunya memperoleh dana sebanyak RM 5 500.00, manakala selebihnya setiap satunya bernilai RM10,000.00. Namun dari keseluruhan jumlah dana, nilai perolehan dana telah menyusut kepada RM134,000.00 berbanding RM144,000.00 pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2010, Unit Bahasa Arab Fakulti Pengajian Islam turut memperoleh 4 buah penyelidikan bernilai RM40,000.00 dan sebuah penyelidikan bernilai RM5,500.00 diberikan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) Fakulti Pengajian Islam. Namun tiada sebarang geran diberikan kepada para penyelidik Jabatan Syariah pada tahun ini berbanding sebuah penyelidikan pada tahun 2009. Jadual 7 berikut adalah senarai Geran Penyelidikan Tindakan/Strategik 2010 di Fakulti Pengajian Islam:

Bil.	Ketua Penyelidik	Tajuk
1.	Fadlan Mohd Othman	Aplikasi Takhrij Hadith terhadap Disertasi Sarjana di Fakulti Pengajian Islam dari Tahun 2007 hingga 2009
2.	Salasiah Hanin Hamjah	Strategi Peningkatan Motivasi Kerja dalam Kalangan Pensyarah: Satu Kajian di Fakulti Pengajian Islam, UKM
3.	Zamri Ariffin	Penilaian Semula Modul Kursus Bahasa Arab Fakulti Pengajian Islam, Program Eksekutif dan Program Pengajian Berterusan di Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), UKM
4.	Salmah Ahmad	Perlaksanaan Reader's Theatre dalam Kursus Bahasa Arab: Penambahbaikan dan Buku Panduan Praktikal
5.	Ahmad Redzuwan Mohd Yunus	Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran Kursus Kajian Budaya Etnik Malaysia
6.	Moktar Hussain	Pembangunan Laman Sesawang Kemahiran Mendengar Bahasa Arab (Maharat Istima' al-Fahm): Mendokong Dasar E-Pembelajaran di UKM
7.	Mohd. Nasir Omar	Program Pengajian Siswazah Fakulti Pengajian Islam: Persepsi

		Pelajar Siswazah terhadap Prosedur dan Pelaksanaan
8.	Zainuddin Ismail	Bagaimana Kami Menjana Kecenderungan Pelajar untuk Bertutur dalam Bahasa Arab Sesama Mereka
9.	Azmul Fahimi Kamaruzaman	Penggunaan Teks Arab Klasik di Kalangan Pelajar dalam pengajian Sejarah dan tamadun Islam, FPI
10.	Faizol Azham Mohamed	Bagaimana Menggalakkan Para Pelajar Membaca Bahan-bahan dalam Bahasa Arab dengan Lebih Kerap dan Efektif
11.	Ahmad Fakhrurazi Mohamed Zabidi	Penggubalan Aktiviti Ko Kurikulum Berimpak Keusahawanan yang Berteraskan Pengajian Islam
12.	Kaseh Abu Bakar	Ujian Kelayakan Bahasa Arab Siswazah: Analisa Item dan Pewujudan Bank Item
13.	Badlihisam Mohd Nasir	Keberkesanan Praktikum Latihan Amali/Industri Fakulti Pengajian Islam di Kalangan Pelajar
14.	Jaffary Awang	Kursus Perbandingan Agama dan Impaknya terhadap Perbentukan Sikap Toleransi Beragama di Kalangan Pelajar Jabatan Usuluddin dan Falsafah
15.	Wan Fariza Alyati Wan Zakaria	Bagaimana untuk Meningkatkan Minat Pelajar terhadap Kursus PH 1153 Pengantar Falsafah
16.	Al Muslim Mustapa @ Ab Rahim	Peningkatan Kemahiran Bahasa Arab melalui Modul Permainan Bahasa
17.	Hakim bin Zainal	Penilaian dan Penambahbaikan Sistem Penilaian Subjek PZ 6013 bahasa Arab Pengukuhan I di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, FPI, UKM

Jadual 7: Geran Penyelidikan Tindakan/Strategik 2010 Fakulti Pengajian Islam

Sepanjang empat dekad penubuhan Fakulti Pengajian Islam, kuantiti dan jumlah geran penyelidikan sama ada dari dalam atau luar UKM semakin meningkat. Peningkatan ini seiring dengan pencapaian usia 40 tahun Universiti Kebangsaan terutama setelah diangkat sebagai universiti penyelidikan pada tahun 2007. Antara pencapaian terbaik, apabila *Penyelidikan Sistem Pakar Khidmat Nasihat Kekeluargaan Islam: Pendekatan & Implementasi* yang diketuai oleh Jawiah Dakir berjaya memenangi *Gold Medal* pada Pameran R&D Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Putera World Trade Centre, Kuala Lumpur pada 30 September hingga 2 Oktober 2005. Walaupun tidak memenangi pingat, sekurang-kurangnya penyelidikan tersebut diangkat pada peringkat antarabangsa apabila ia dipertandingkan di *International Exhibition of Invention New Techniques and Products*, Geneva, Switzerland pada 5-9 April 2006. Demikian juga dengan pencapaian 4 geran IRPA, 21 geran FRGS dan 7 geran agensi luar UKM.

Namun demikian, sepanjang empat dekad tersebut juga, beberapa kelemahan berkaitan dengan penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam dikenalpasti. Jika dilihat kepada jumlah penyelidikan, didapati hanya terdapat 82 buah penyelidikan yang memperolehi geran penyelidikan sepanjang 40 tahun penubuhan Fakulti Pengajian Islam. Ini bermakna hanya 2 penyelidikan setahun dilaksanakan di Fakulti Pengajian Islam. Jika dilihat kepada nisbah pensyarah (108 orang pada tahun 2010) berbanding dengan penyelidikan (82), bermakna seramai 27 orang pensyarah belum pernah mengetuai penyelidikan sepanjang tempoh tersebut. Fakta ini tidak mengambil kira penyelidik yang mengetuai lebih daripada satu penyelidikan.

Dari aspek geran pula, belum ada penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam yang memperolehi dana penyelidikan luar negara kecuali oleh Ibrahim Abu Bakar melalui Japan Society for Promotion of Science pada tahun 2002. Geran-geran yang diperolehi sepanjang 40 tahun adalah bersifat tempatan dan dianggap mudah diperolehi berbanding geran-geran

institusi antarabangsa yang lebih sukar dan berprestij. Sepanjang empat dekad, belum ada geran penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam mencecah nilai setengah juta ringgit. Hanya penyelidikan *Survival Minoriti Etnik Melayu Muslim: Kajian Etnografi terhadap Amalan Keagamaan dan Akidah Islam* diketuai oleh Ahmad Sunawari Long berjaya memperolehi geran tertinggi iaitu RM370,000.00 dari dana GUP. Namun begitu, kejayaan memperolehi geran IRPA mencecah setengah juta ringgit juga pada tahun 2004 dan 2005, menjadi detik bersejarah penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam kerana sebelum tahun 2004, memperolehi geran IRPA dianggap sebagai suatu yang mustahil dicapai oleh para penyelidik di Fakulti Pengajian Islam.

Lebih RM 2 juta telah disalurkan untuk membiayai penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam sepanjang empat dekad. Namun sepanjang tempoh tersebut, belum lagi sebarang hasil penyelidikan berjaya diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi yang tersenarai dalam Scopus dan ISI. Demikian juga timbul persoalan sejauh manakah penyelidikan-penyelidikan tersebut bermanfaat untuk proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat Fakulti. Manakala konsep malim dalam bidang penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam belum berfungsi sebaik mungkin di mana pensyarah senior belum menunjukkan peranannya sebagai payung kepada pensyarah junior menjadi penyelidik terbaik. Hasil program kolaborasi ke luar negara melalui geran OUP (Operasi Universiti Penyelidikan) berjumlah RM357,500.00 juga belum menampakkan sebarang bentuk kolaborasi penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam. Perubahan paradigma para penyelidik di Fakulti Pengajian Islam daripada penyelidikan bersifat kualitatif kepada penyelidik kuantitatif perlu diperbanyakkan dengan penguasaan kemahiran metodologi penyelidikan. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan, hasil penyelidikan Fakulti Pengajian Islam memberikan impak kepada dasar negara berdasarkan kepada keperluan pemberi dana luar seperti JAKIM dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

References

- Fakulti Pengajian Islam. 1998. *Audit Akademik Fakulti Pengajian Islam 1998*. Bangi : Fakulti Pengajian Islam.
- Second Annual Report 1971-1972 Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Laporan Tahunan Pertama Universiti Kebangsaan Malaysia 1970-1971*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ministry of Science, Technology and the Environment. t.th. *Users' Manual for IRPA Programme 8th Malaysia Plan*. Jil. 1.
- <http://jpt.mohe.gov.my/menupenyelidik.php.dg>